

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Jangan sekali-kali engkau (Wahai Muhammad) terpedaya oleh usaha gerakan orang-orang yang kafir di dalam negeri (yang membawa keuntungan-keuntungan kepada mereka). (Semuanya) itu hanyalah kesenangan yang sedikit, (akhirnya akan lenyap), kemudian tempat kembali mereka neraka jahanam, dan itulah seburuk-buruk tempat ketetapan. Tetapi orang-orang yang bertakwa kepada Tuhan mereka, mereka beroleh syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya, sebagai tempat sambutan tetamu (yang meriah dengan nikmat pemberian) dari Allah. Dan (ingatlah) apa jua yang ada di sisi Allah adalah lebih bagi orang-orang yang berbakti (yang taat, yang banyak berbuat kebajikan).* (ali-Imran: 196-198)



SOLAT Adalah ibadat pertama yang akan ditanya di akhirat sebelum kita layak merfauki syurga Allah. - Gambar hiasan

DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI  
(Siri Ke-75)

# Syurga ganjaran terbaik

**M**UHAMMAD Abu Zahrah berkata: Selepas Allah menceritakan secara khusus berkenaan dengan pahala yang baik yang diberikan hasil amalan di dunia, lantas Allah mengemukakan ayat berikut menggambarkan hakikat dunia supaya jangan terpengaruh dan terpedaya.

## Ayat ke-196

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Jangan sekali-kali engkau (Wahai Muhammad) terpedaya oleh usaha gerakan orang-orang yang kafir di dalam negeri (yang membawa keuntungan-keuntungan kepada mereka).*

### Sebab nuzul ayat

Ayat ini diturunkan kepada golongan Yahudi. Terdapat tiga pandangan ulama berkenaan dengan turunnya ayat ini:

- i. Golongan Yahudi selalu bermusafir di bumi mencari harta benda. Lantas turunnya ayat ini. Inilah pendapat Ibn Abbas.
- ii. Nabi SAW malu untuk berhutang atau meminjam dengan mereka makanan syair. Ia enggan kecuali dengan gadaian.
- iii. Lantas Nabi bersabda yang bermaksud: Kalau diberi kepadaku nescaya aku tunaikannya lebih daripada itu kerana sesungguhnya aku pemegang amanah di langit dan juga di bumi. Lantas turunnya ayat ini seperti yang dinyatakan oleh Abu Sulaiman al-Dimasyqi.
- iii. Ayat ini diturunkan kepada kaum Musyrikin Arab yang mendapat kemewahan. Lantas sebahagian orang yang beriman berkata: Kami dalam kesusahan, sedangkan musuh-musuh Allah sebagaimana yang kamu lihat. Lantas turunnya ayat ini. Inilah pendapat Muqatil.

### Iktibar dan fiqh ayat:

- i. Ibn Jauzi berkata: Perkataan usaha gerakan orang-orang yang kafir di dalam negeri bermaksud dengan tiga: Pertama: Cara urusan mereka berkenaan perniagaan. Inilah pendapat Ibn Abbas, al-Farra', Ibn Qutaibah dan al-Zajjaj.
- Kedua: Mereka sentiasa berusaha siang

## Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

dan malam dengan mendapat banyak nikmat. Inilah pendapat Ikrimah dan Muqatil.

Ketiga: Mereka merasa seronok dengan sebab tidak dihukum walaupun melakukan banyak dosa. Inilah pendapat sebahagian ahli tafsir.

- ii. Sheikh Muhammad Abu Zahrah berkata: "Ayat-ayat terdahulu menerangkan betapa kejamnya golongan Musyrikin yang menyiksa orang beriman, menghalau mereka, memusuhi dan membunuh mereka".
- iii. Al-Maraghi berkata: "Wahai Muhammad yang dimaksudkan sebenarnya adalah umatmu, janganlah engkau terpedaya oleh banyak hal yang dibicarakan oleh pemimpin masyarakat".
- iv. Muhammad Quraish Shihab berkata: "Ayat yang ditutup dengan janji memperoleh ganjaran yang baik di akhirat nanti sehingga setiap ganjaran usaha di dunia tidak dapat dibandingkan sedikit pun di akhirat nanti. "Terdapat segelintir kaum muslimin yang terpedaya dan silau oleh hasil-hasil yang dicapai oleh orang-orang musyrik, sehingga hal itu dapat mempengaruhi kualiti iman mereka tentang janji-janji Allah di akhirat".
- v. Al-Sonhaji berkata: Ayat ini Allah SWT turunkan untuk menghiburkan mereka yang sabar di dalam menjalankan ketaatan kepada-Nya.

## Ayat ke-197

Firman Allah SWT yang bermaksud: *(Semuanya) itu hanyalah kesenangan yang sedikit, (akhirnya akan lenyap), kemudian tempat kembali mereka neraka jahanam, dan itulah seburuk-buruk tempat ketetapan.*

Segala kemewahan yang ada di sisi Allah SWT jauh lebih baik daripada yang ada di dunia dahulu yang pernah dinikmati oleh orang kafir dalam bentuk yang amat sedikit lagi fana.

### Iktibar dan fiqh ayat:

- i. Muhammad Abu Zahrah berkata: "Digunakan perkataan kemudian mereka ditempatkan mereka dengan neraka jahanam bukan menunjukkan kelewatan zaman atau masa sahaja, tetapi ia menunjukkan taraf perbezaan keadaan mereka di dunia dan akhirat".
- ii. Al-Maraghi berkata: "Ayat ini turun berkaitan dengan peristiwa kaum musyrikin Mekah kerana dahulunya adalah satu kaum yang suka mengembara di atas muka bumi kerana menjalankan aktiviti perdagangan dan kerja, pada saat itu umat Islam tidak mampu menghentikan kegiatan kaum musyrikin. "Walau di mana mereka berada, umat Islam tetap mengintai dan menimbulkan bencana kepada mereka. Malangnya umat Islam tidak mampu melawan mereka sewaktu mereka keluar dari kampung halaman untuk menjalani urusan dagangan atau urusan lain".
- iii. Al-Sonhaji berkata: "Segala keuntungan yang mereka peroleh hasil daripada perniagaan mereka di dunia adalah sedikit jika dibandingkan dengan kerugian yang mereka terima kerana

kehilangan nikmat dan kemewahan hidup di akhirat kelak".

## Ayat ke-198

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Tetapi orang-orang yang bertakwa kepada Tuhan mereka, mereka beroleh syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya, sebagai tempat sambutan tetamu (yang meriah dengan nikmat pemberian) dari Allah. Dan (ingatlah) apa jua yang ada di sisi Allah adalah lebih bagi orang-orang yang berbakti (yang taat, yang banyak berbuat kebajikan).*

### Iktibar dan fiqh ayat:

- i. Abdullah bin Amr berkata: "Allah SWT menyebut mereka sebagai orang-orang baik, lantaran mereka berbuat baik kepada orang tua dan anak-anak mereka, sebagaimana orang tua anda mempunyai hak atas diri anda, seperti halnya anak-anak anda juga mempunyai hak atas diri anda".
- ii. Muhammad Abu Zahrah berkata: "Ayat ini dimulakan dengan akan tetapi untuk membezakan golongan yang bertakwa lagi soleh dengan yang Musyrikin lagi jahat. Nisbah kesudahan masing-masing. "Golongan yang kufur kesudahannya neraka jahanam dan sedikit sahaja yang mendapat nikmat dunia. Sebaliknya golongan ahli takwa yang bersyukur dengan nikmat Allah mendapat syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai".
- iii. Al-Maraghi berkata: "Segala kemewahan yang ada di sisi Allah SWT jauh lebih baik daripada yang ada di dunia dahulu yang pernah dinikmati oleh orang kafir dalam bentuk yang amat sedikit lagi fana".
- Semoga kita menjadi golongan yang soleh dan bertakwa sehingga layak menghuni syurga Allah SWT.